



# KENYATAAN MEDIA

---

## STATUS KUALITI UDARA 'TIDAK SIHAT' DI BALOK BARU, KUANTAN

---

Berdasarkan pemantauan kualiti udara negara melalui bacaan Indeks Pencemar Udara (IPU) yang direkodkan oleh Jabatan Alam Sekitar (JAS) pada jam 9.00 pagi hari ini, satu kawasan mencatatkan status kualiti udara pada tahap 'tidak sihat' iaitu di Balok Baru, Kuantan, Pahang dengan bacaan IPU 188 yang disebabkan oleh kebakaran tanah gambut di Ladang Kelapa Cherating, Kuantan, Pahang dengan keluasan yang dianggarkan sekitar 200 ekar.

Pada masa ini, usaha pemadaman sedang giat dijalankan oleh pihak Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM) melalui kaedah *firefighting*, *water bombing* dan kerja-kerja *flooding* di kawasan kebakaran dengan kerjasama pihak Jabatan Kerja Raya (JKR) dan Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS).

Peta Jerebu Serantau yang dikeluarkan oleh ASEAN *Specialised Meteorological Centre* (ASMC) pada 3 Mac 2025 melaporkan bahawa hujan akan berlaku pada hari ini, walau bagaimanapun keadaan lebih kering diperhatikan di Semenanjung Malaysia dan Utara Sumatera. Beberapa titik panas terpencil dikesan terutamanya di Timur Kalimantan dan Semenanjung Malaysia, dengan kepulan asap setempat yang diperhatikan berpunca daripada titik panas yang dikesan di kawasan Pantai Timur Semenanjung Malaysia.

Susulan bacaan IPU yang mencapai 201 hingga 300 di Balok Baru, Kuantan Pahang pada 3 Mac 2025, JAS telah mengeluarkan Nota Pemberitahuan Amaran 3A dan 3B kepada Pusat Kawalan Bencana Negara (NDCC), Agensi Pengurusan Bencana Negara (NADMA) untuk tindakan hebahan Notis Kesiapsiagaan Operasi Bencana di peringkat negeri dan daerah. Hebahan ini juga bertujuan bagi membolehkan Jawatankuasa Pengurusan Bencana Peringkat Daerah/Negeri diaktifkan dan memastikan tindakan dapat diambil selaras dengan Pelan Tindakan Jerebu Kebangsaan.

Saya juga akan mempengerusikan Mesyuarat Jawatankuasa Induk Jerebu dan Cuaca Kering Kebangsaan Bil. 1 Tahun 2025 esok, pada 5 Mac 2025. Mesyuarat tahunan yang melibatkan lebih 60 buah Kementerian, Jabatan, Agensi dan Kerajaan Negeri ini diadakan bagi melaporkan status terkini keadaan cuaca, kualiti udara dan sebagai platform bagi merancang tindakan dan strategi pencegahan pembakaran terbuka serta jerebu. Isu kebakaran yang berlaku di Ladang Kelapa Cherating, Kuantan, Pahang dan tindakan penyelarasan berkaitan akan turut dibincangkan melalui mesyuarat ini.

Kementerian Sumber Asli dan Kelestarian Alam (NRES) juga telah mengaktifkan Pelan Tindakan Pembakaran Terbuka Kebangsaan (PTPTK) pada 21 Februari 2025 bagi membolehkan Kementerian, Jabatan, Agensi yang berkaitan dan Kerajaan Negeri meningkatkan pemantauan dan mengambil tindakan berjaga-jaga bagi mencegah pembakaran terbuka yang boleh menyebabkan jerebu tempatan, menjejaskan kualiti udara dan kesihatan awam.

Selain itu, Prosedur Tetap Operasi (PTO) bagi Melaksanakan Program Mencegah Kebakaran di Tanah Gambut Untuk Mengatasi Jerebu di Malaysia telah diaktifkan oleh JAS sejak 26 Februari 2025. JAS juga telah meningkatkan tindakan penguatkuasaan dan aktiviti pemantauan melalui darat dan udara dengan menggunakan *drone* serta memantau bacaan IPU dari semasa ke semasa. Koordinasi di antara agensi berkaitan bagi merancang kerja-kerja pemadaman dan kawalan kebakaran turut telah diadakan.

Pemilik tanah dinasihatkan agar memantau kawasan-kawasan yang mudah terbakar seperti tapak pelupusan sampah, hutan, tanah gambut, ladang, kawasan pertanian dan industri serta mengambil langkah-langkah untuk mencegah pencerobohan oleh pihak-pihak yang tidak bertanggungjawab sehingga menyebabkan pembakaran terbuka sama ada untuk tujuan tertentu atau dengan tidak sengaja.

**NIK NAZMI NIK AHMAD**  
**MENTERI SUMBER ASLI DAN KELESTARIAN ALAM**  
**4 MAC 2025**